

GARIS PANDUAN PEMINJAMAN DAN PEMULANGAN JUBAH

Umum:

1. Graduan perlu membuat pengesahan kehadiran kepada Urusetia Majlis Konvokesyen
2. Graduan perlu melengkapkan Borang Keahlian Persatuan Alumni PSIS melalui link google form <https://forms.gle/wtLtFaBDNDmADZZr8> atau QR code.



3. Graduan perlu melengkapkan borang pengesahan Sistem Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) di laman web <https://sites.google.com/view/kajian-pengesanan-graduan2023/>
4. Graduan perlu melengkapkan dan mencetak Borang Konvokesyen ke 17 PSIS di iGraduan.
5. Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah boleh menghantar wakil dengan membawa Borang Konvokesyen ke 17 PSIS yang lengkap, salinan kad pengenalan graduan dan salinan kad pengenalan wakil.

Graduan dikehendaki melengkapkan borang Keahlian Alumni PSIS dan borang Kajian Pengesanan Graduan (SKPG) untuk membolehkan janaan Borang Konvokesyen ke 17 PSIS ke 17 PSIS. Borang ini perlu di serahkan kepada Jawatankuasa Jubah semasa proses pengambilan jubah berlangsung.

JADUAL PEMINJAMAN JUBAH

TARIKH	SIDANG	MASA	TEMPAT
3.10.2023 SELASA	SIDANG 1	10.00 pagi – 12.45 tengahari	Bilik kuliah 1.1, 1.2
4.10.2023 RABU	SIDANG 2	3.30 petang – 4.30 petang	

PERINGATAN SEMASA PEMINJAMAN:

- a) Graduan hendaklah bebas daripada sebarang tunggakan yuran bagi melayakkan diri untuk menyertai Majlis Konvokesyen.
- b) Proses pinjaman jubah dihentikan semasa sesi raptai berlangsung yang bermula jam 2.00 petang sehingga 3.30 petang.
- c) Graduan hendaklah mengemukakan Borang Peminjaman Jubah (Borang dijana melalui sistem iGraduan) semasa mengambil jubah masing-masing. (Lampiran 1)
- d) Graduan yang tidak dapat hadir semasa hari pengambilan jubah boleh mewakilkan orang lain dengan mengemukakan borang peminjaman jubah yang lengkap, salinan kad pengenalan graduan dan salinan kad pengenalan wakil.
- e) Sila rujuk Lampiran A pada prosedur pengambilan jubah.

JADUAL PEMULANGAN JUBAH

TARIKH	SIDANG	MASA	TEMPAT
4.10.2023 RABU	SIDANG 1	2.00 petang – 4.30 petang	Bilik kuliah 1.1, 1.2,
5.10.2023 KHAMIS	SIDANG 2		


PERINGATAN SEMASA PEMULANGAN:

- a) Tempoh peminjaman jubah yang diperuntukkan ialah selama 1 hari bermula daripada tarikh peminjaman dan perlu diserahkan semula selepas selesai Majlis Konvokesyen mengikut sidang masing-masing.
- b) Graduan hendaklah memastikan jubah yang dipulangkan adalah dalam keadaan yang baik. Jika jubah dalam keadaan rosak, graduan perlu membayar gantirugi kerosakan yang berlaku kepada pihak koperasi.
- c) Transkrip dan sijil diploma akan diserahkan kepada graduan setelah jubah dipulangkan.
- d) Sila rujuk Lampiran B bagi prosedur pemulangan jubah.

BAYARAN DENDA DIKENAKAN

JENIS KEROSAKAN	BAYARAN DENDA DIKENAKAN
Jubah rosak / hilang / tidak dipulangkan	RM 200.00
Mortarboard rosak / hilang / tidak dipulangkan	RM 50.00
Kelewatan memulangkan jubah pada waktu dan hari ditetapkan.	RM 10 / hari

Carta Alir Pengambilan Jubah Konvokesyen




Dokumen yang perlu dihantar

1. Borang peminjaman jubah yang lengkap diisi.

Dokumen yang perlu diterima

1. Pas masuk ibubapa ke Majlis Konvokesyen.
2. Cenderamata Alumni

Carta Alir Pemulangan Jubah Konvokesyen



Dokumen yang perlu dihantar

1. Borang peminjaman jubah (dijana melalui sistem iGraduan)